

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI
[TANGGA BATU]

SOALAN NO.395

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada program-program dari Kerajaan terdahulu masih diteruskan atau akan diganti dengan program-program baharu seperti contoh Program 1Azam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai Kerajaan yang prihatin terhadap cabaran yang dihadapi oleh rakyat terutamanya golongan B40, pelbagai inisiatif dilaksanakan oleh Kementerian ini bagi memastikan tiada rakyat Malaysia yang miskin, tercicir daripada menerima perkhidmatan atau sebarang bantuan kebajikan.

Berkenaan pelaksanaan mana-mana program sedia ada yang menjurus kepada pengukuhan dan peningkatan kesejahteraan kehidupan kumpulan sasar di bawah Kementerian ini, pendekatan yang digunakan ialah mengekalkan dan meneruskan pelaksanaan program-program tersebut. Program berkaitan peningkatan kesejahteraan yang dikekalkan dan diteruskan adalah:

- 1) Program bantuan kebajikan oleh JKM. Terdapat 9 skim bantuan bulanan yang meliputi kumpulan sasar kanak-kanak, OKU dan warga emas dan dua (2) skim bantuan berbentuk sekali gus berupa tabung bantuan segera dan geran pelancaran;
- 2) Program khidmat sokongan kesihatan reproduktif di bawah LPPKN yang meliputi perkhidmatan kesihatan reproduktif di Klinik Nur Sejahtera LPPKN di setiap negeri, subsidi saringan kesihatan, perkhidmatan kaunseling percuma dan perkhidmatan penjagaan ibu selepas bersalin; dan
- 3) Program sokongan kepada wanita meliputi program pembangunan psikologi, perkhidmatan kaunseling dan motivasi serta program pemerkasaan ekonomi terhadap wanita.

Setakat ini terdapat dua (2) program yang telah dihentikan dan tidak diteruskan. Program tersebut ialah:

- 1) Program Azam Niaga dan Azam Khidmat. Kedua-dua program ini mula dihentikan pada 31 Julai 2018; dan
- 2) Program *Development of Women Entrepreneur Initiatives* (DeWi) yang mula dihentikan pada Mei 2018.

SOALAN NO. 395

Kedua-dua program tersebut dihentikan dan tidak diteruskan buat masa kini bagi membolehkan proses penilaian dan kajian keberkesanan pelaksanaan dijalankan. Sekiranya hasil penilaian menunjukkan terdapat keberkesanan dan program menunjukkan terdapat manfaat kepada kumpulan sasaran, maka hasil penilaian ini akan dijadikan panduan dan diambil kira dalam penentuan program-program yang akan dijalankan pada masa akan datang.